Mengapa Umat Islam Mesti Berpegang Kepada Al-Qur'ān

Al-Qur'ān atau al-Furqān adalah sebuah kitab suci yang mengandungi undang-undang untuk pegangan umat Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari. Al-Qur'ān adalah perlembagaan yang tak lapuk dek hujan dan tak hangus dek panas, dijadikan pedoman oleh orang-orang yang berideologi Islam. Al-Qur'ān bukan hasil ciptaan manusia, bahkan ia adalah hasil ciptaan Tuhan semesta alam. Susunan kata dan jalan bahasanya adalah menakjubkan para pujangga dan pendeta-pendeta bahasa di muka bumi ini. Sesuai dengan peredaran zaman.

(Oleh: Syam Dahari)

Segala undang-undang yang terkandung di dalam al-Qur'an adalah adil dan benar di sisi Allah dan pada pandangan masyarakat Islam di seantero dunia. Banī insan akan terjamin jika ia berpegang betul-betul dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Qur'an (Kitab Allah) yang diturunkan kepada Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W), untuk disampaikan kepada pengikut-pengikut Islam. Agama Islam adalah bertujuan membentuk suatu umat yang berilmu dan mempunyai peribadi yang tinggi mulia. Islam bertujuan supaya seluruh banī insan memperolehi keselamatan dan kesejahteraan hidup sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Kitab suci al-Qur'ān adalah menjadi pertunjuk kepada orang-orang yang berbakti kepada Allah. Dialah sebuah kitab yang tidak terdapat keraguan di dalamnya. Maksud-maksudnya yang tersirat di dalamnya adalah benar dan semuanya daripada kalam Allah yang tidak mengandungi perkataan-perkataan yang dusta dan berdolak-dalik. Mempercayainya adalah wajib, tidak ada seorang Islam yang sanggup menghina akan kitab suci al-Qur'ān. Tetapi golongan orang-orang musyrikin sahajalah yang sentiasa mencemuhkan al-Qur'ān dan menukar-nukarkan maknanya kepada tujuan

dan maksud yang salah, guna untuk menarik seluruh umat Islam terjerumus ke dalam jurang kesesatan yang gelap-gelita. Untuk mengelakkan diri dari terjerumus ke jurang kesesatan itu maka haruslah umat Islam memahami akan pengertian ayat-ayat suci al-Qur'ān. Ini adalah sangat perlu bagi menghindarkan daripada meresapnya pengaruh-pengaruh agama lain ke dalam jiwa anak-anak muda Islam. Selain dari itu kita haruslah mengetahui bahawa pihak Barat adalah sentiasa berniat buruk untuk memusnah dan menodai kesucian agama Islam dengan berbagai-bagai cara. Kalau kita tidak berhati-hati dan betul-betul berpegang kepada ajaran-ajaran al-Qur'ān maka lambat laun kita tidak akan berkuasa menentang dakyah-dakyah Kristian yang didatangkan dari negeri-negeri Barat itu. Dengan keteguhan iman dari penganut-penganut Islam sendiri Islam akan tetap hidup dan tetap tidak boleh diracun dan dipesong-pesongkan oleh pengajaran palsu yang datang dari Barat itu.

Ajaran-ajaran yang didapati di dalam al-Qur'ān tidak terbatas kepada soal peribadatan sahaja, bahkan meliputi di dalam segala jurusan. Umat-umat Islam tidak disuruh beribadah semata-mata
tanpa menghiraukan soal hidup
dan negara, sekiranya umat-umat Islam
semata-mata menumpukan segenap tenaga
dan fikirannya di dalam jurusan
peribadatan sahaja dengan tidak
menghiraukan lapangan iktisad,
pemerintahan dan kebudayaan, maka
senafas itu jugalah bangsa-bangsa lain
boleh menguasai tanah airnya.

Setiap umat Islam disuruh kasih kepada tanah airnya, dengan jalan menghindarkan ancaman-ancaman musuh yang mahu merosakkan ketenteraman negara. Jika negara atau kampung halaman diserang oleh musuh, di masa itu jugalah setiap umat Islam penuh bertanggungjawab bagi mempertahankan sebarang kemungkinan dan angkara yang akan berlaku. Kita tidak boleh hanya berpeluk tubuh tanpa memberikan sebarang bantuan sama ada bantuan-bantuan itu berupa tenaga (moral) atau harta benda (material). Di masa kecemasan yang seperti ini umat Islam mesti sanggup hidup atau mati, guna mempertahankan negaranya daripada ancaman musuh-musuh Islam. Dalam soal tersebut Rasulullah (S.A.W) ada bersabda: (Ḥubbu al-waṭanu mina al-īmān), ertinya: "Kasihkan tanah air itu, setengah

daripada iman".

Kejayaan Islam di zaman pemerintahan Rasulullah, Khulafa' al-Rasyidin dan Mu'āwiyah adalah gemilang dan terkenal di seluruh alam. Kegemilangan itu adalah berpunca dari kekuatan umat Islam di zaman tersebut. Oleh yang demikian, maka wajiblah bagi umat-umat Islam di seluruh pelusuk tanah air kita mengkaji sejarah Islam di zaman yang cemerlang itu, supaya di suatu masa nanti sejarah yang gilang-gemilang di zaman silam itu akan berulang kembali; hal ini dapat dipastikan jika orang-orang Islam di seluruh dunia bersatu padu serta sanggup berjuang mati-matian bagi menegakkan sebuah negara Islam yang kukuh dan harmoni. Kita umat Islam hendaklah menempa sejarah dan bukan sejarah yang

Di masa-masa yang akhir ini kerap kali kita terbaca di dalam akhbar-akhbar tempatan akan tindak-tanduk orang Kristian terhadap orang-orang Islam di tanah air kita yang dicintai ini, mereka itu tersangat ingin menarik orang-orang Islam meninggalkan agama yang diredai Allah, lari menganut agama Kristian yang menyekutukan Tuhan; mereka bersungguh-sungguh bekerja menyebarkan risalah-risalah mengenai agama mereka yang sesat itu ke seluruh pelusuk tanah air kita dengan mengadakan dalil-dalil yang palsu yang dengan sengaja mereka rekai dan mereka ada-adakan dari otak mereka yang kotor dan bernoda itu.

mesti menempa kita.

Untuk mengelakkan dari merebaknya dakyah yang kotor dan palsu itu, maka hendaklah kita berhati-hati menentang dan membasminya supaya anak-anak muda kita tidak lekas terpengaruh olehnya.

Perkara ini adalah menjadi suatu
tanggungjawab yang besar kepada badan-badan
dakwah Islam di seluruh tanah air kita
untuk menyekat dan menghalang daripada
berkembangnya agama Kristian itu
meresapi jiwa angkatan muda yang
terdiri dari generasi baru. Jalan
yang lebih mudah dan enteng hendaklah
menggesa setiap umat Islam bangsa
pengajian mereka yang cetek dan
dangkal terhadap Islam dan kaum
Muslimin.

Orientalis-orientalis dari Barat selalu benar menulis di dalam buku-buku pengajian Islam yang dikarang mereka akan perkataan-perkataan yang dihiasi dengan sastera dan kata-kata pujian yang melambung tinggi; kerana dengan cara ini mereka boleh memperlihatkan kejujuran mereka terhadap Islam. Kemudian dengan taktik yang halus lagi berkesan mereka mulai menghitamkan kejernihan dan kemurnian Islam. Sedikit sahaja bilangan mereka yang jujur menulis tentang pengajian Islam dengan secara tepat dan benar.

Banyak di antara mereka telah menterjemahkan karangan dan perbendaharaan umat Islam dalam buku-buku pengajian mereka, bila memperkatakan segala masalah yang kurang mustahak dari pandangan kaum penjajah mereka bersifat jujur.

Dan mereka telah berjaya besar kerana menterjemahkan karya-karya dari penulis-penulis dan pujangga-pujangga Islam yang terkenal di dalam bidang falsafah, perubatan dan beraneka ilmu pengetahuan. Kegiatan yang mereka jalankan itu hanya bertujuan hendak mengeluarkan intisari pemikiran Islam

kepada politik penjajahan Barat; ini
ialah guna untuk melicinkan
inisiatif penjajahan. Dengan cara
yang demikian kaum orientalis dapat
menyalami jiwa orang-orang Islam serta
dapat menghancurkan semangat keislaman
yang tersemat di dalam dada mereka.

Kitab suci al-Qur'ān tidak
boleh dipinda dan ditukar ganti
sebagaimana yang telah dapat mereka lakukan
terhadap kitab Bible atau Injīl
(P) — kerana dia (al-Qur'ān) adalah
suatu mukjizat yang besar yang tidak
boleh diatasi oleh pemikiran otak
manusia.

Rahsia dan Hikmah:

Kembali kita kepada al-Khāliq yang menjadikan kita iaitu Allah Subḥānahu wa Ta'ālā, dan Dialah yang mengatur sunnah atau undang-undang tabii (Law of Nature) yang berlaku pada setiap detik dan saat di alam nyata ini. Oleh sebab itulah maka semestinya kita berpegang teguh pada ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Qur'ān. Firman Allah di dalam sūrat al-An'ām ayat (73):

(Wa huwa alladh $\overline{\ }$ khalaqa al-samaw $\overline{\ }$ ti wa al-arqi bi al- $\overline{\ }$ haqq)

Ertinya: "Dialah (Allah Taʻālā) yang telah menjadikan tujuh petala langit dan bumi dengan sebenar-benarnya."

Tuhan yang menjadikan sekalian kita mempelajari tafsir-tafsir ayat al-Qur'ān dengan secara mendalam sehingga mereka tahu mendatangkan hujah-hujah dan dalil-dalil yang tegas terhadap musuh-musuh Islam yang bercita-cita hendak menodai kesucian agama Islam di negeri ini.

Di samping itu tanamkanlah di dalam jiwa

mereka semangat sanggup berjuang bagi mempertahankan kemuliaan agama Allah. Komunisme dan Islamisme:

Ada suatu bahaya lain yang bertujuan menghina-hinakan agama Islam merendah-rendahkan taraf al-Qur'an, itulah bahaya dari orang-orang yang berfaham Komunis (Kominism) orang-orang yang berfahaman Komunis ini, dengan secara terang-terangan tidak mengakui adanya Tuhan yang menjadikan alam dan seisinya; mereka itu hanya semata-mata percaya kepada kebendaan (Metarialism). Orang-orang yang berfaham Komunis ini sentiasa menjalankan usaha-usaha jahatnya dalam pertubuhan-pertubuhan politik secara haram, dengan tujuan untuk menggulingkan sesebuah kerajaan yang sudah sah dan halal, serta ingin mengembangkan faham tidak bertuhan itu ke dalam negeri yang telah dikuasainya.

Negara-negara yang di bawah kekuasaan Komunis pemerintahannya adalah berdasarkan kuku besi (diktator), rakyat jelata tidak boleh bersuara untuk membentangkan buah fikiran dan teguran terhadap kerajaan, mereka tidak gemar kepada orang-orang yang menganut satu-satu agama kerana menyembah Allah: dan rumah ibadah orang-orang Islam habis mereka musnahkan, rakyat dipaksa bekerja untuk kepentingan orang-orang tingkatan atas yang memegang tampuk pemerintahan. Pemerintahan yang seperti ini adalah dengan secara langsung dikatakan pemerintahan yang tidak berperikemanusiaan. Di abad yang kedua puluh ini setiap negara yang menghalalkan hidupnya parti Komunis dengan subur, bererti negara itu mendedahkan dirinya

ditimpa bahaya kaum Komunis yang sentiasa bercita-cita untuk menggulingkan kerajaan negeri tempat partinya bertapak. (Ini sudah nyata kelihatan di hadapan mata kepala kita di hari ini P.).

Orientalis dan Pengajian Islam:

Kita sedia maklum bahawa Islam selalu mendapat tentangan dari Barat di dalam berbagai-bagai cara, terutama pengajian-pengajian Islam yang ditulis dan dibahas oleh orientalis-orientalis Barat selalu mengandungi racun yang akan merosakkan kemuliaan dan kemurnian Islam. Setengah daripada penulis-penulis orientalis Barat itu bekerja dengan bersungguh-sungguh menaburkan kesangsian di dalam makhluk di mayapada ini tidak dengan percuma, bahkan mempunyai rahsia dan hikmah. Tuhan yang Maha Esa dan bersifat kesempurnaan tidak mengambil sebarang faedah dari setiap sesuatu benda yang dijadikan-Nya. Berhubung dengan ini Tuhan ada berfirman di dalam sūrat al-Baqarah ayat (29):

(Huwa alladhī khalaqa lakum mā fī al-ardi jamī'ā)

Ertinya: "Dia (Tuhan) itulah yang telah menjadikan untuk kamu segala apa yang ada di bumi ini semua sekali." Firman ini menunjukkan bahawa semua kejadian di dalam alam ini faedahnya kembali kepada manusia sendiri, bukan untuk kepentingan Tuhan. Ini adalah akuan dari Tuhan sendiri.

Setiap umat Islam janganlah menyangka bahawa kemunduran umat Islam pada hari ini adalah disebabkan dari ajaran-ajaran Islam yang tidak bersesuaian lagi dengan keadaan masa dan zaman,
tetapi sebenarnya ialah dari kerana
umat Islam sendiri yang tidak
begitu mengerti tentang ajaran-ajaran Islam
yang terkandung di dalam kitab suci
al-Qur'ān yang tiga puluh juzuk itu,
dan juga akibat dari kejahilan
mereka sendiri yang tidak mengerti
tentang selok-belok hukum dan
ajaran agama mereka sendiri. Inilah
sebab-sebab yang sebenar menjadikan umat
Islam di zaman yang akhir ini hidup
dalam serba-serbi kekurangan
dan kemunduran.

Sebab-sebab yang tersebut patut sekali disedari oleh setiap umat Islam supaya ia tidak berulang kembali. Patut diingatkan bahawa tiap-tiap orang Mukmin itu Muslim dan bukan tiap-tiap orang Muslim itu terus boleh diakui sebagai seorang Mukmin. Untuk mengenal seorang itu benar-benar ia seorang Islam atau tidak ialah dengan perantaraan roh Islam yang tertanam di dalam jiwanya dengan adanya ia mengerjakan segala suruhan Allah serta meninggalkan larangan-Nya. Ini adalah membuktikan bahawa mereka telah Mukmin.

Adapun hakikat Islam itu tidak dapat dihukumkan jika tertentu pada setengah-setengah perkara sahaja. Agama Islam dapat menghukumkan seorang itu Islam jika didapati keseluruhan hidupnya menurut lunas-lunas Islam atau merupakan Islam pada keseluruhannya.

Dari berbagai-bagai aspek yang telah diterangkan di atas itu, adalah menunjukkan sebab-sebab mengapa umat Islam mesti berpegang dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Qur'an al-Karim? (*)